

**Kementerian Tumpukan Usaha Latih Lebih Ramai Doktor Pakar
Bernama
26 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Kementerian Kesihatan kini menumpukan usaha melatih lebih ramai doktor pakar bagi menampung keperluan yang semakin meningkat dalam kalangan rakyat.

Menterinya Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata kementerian itu menyasarkan penempatan doktor pakar di semua hospital daerah menjelang 2020.

"Sebelum ini kita kekurangan doktor, maka kita melatih ramai doktor dan sekarang jumlah yang ada mencukupi untuk semua hospital kerajaan. Kini kita mahu tumpukan usaha melatih lebih ramai doktor pakar," katanya kepada pemberita, di sini pada Khamis.

Liow yang ditemui selepas merasmikan ANOC Neuroscience and Orthopaedic Centre di Bangsar di sini, berkata pada masa ini hanya 55 daripada 135 hospital kerajaan di seluruh negara menyediakan perkhidmatan doktor pakar.

Katanya kementerian melatih kira-kira 800 doktor pakar setahun dan pada masa ini terdapat sekitar 5,000 doktor pakar dalam semua bidang perubatan di negara ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683408>

